

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
KAWASAN : SEPANGGAR

SOALAN:

YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status semasa cadangan pembinaan jalan pantai Tuaran-Kudat yang juga merupakan janji YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Pesisiran Pantai Tuaran – Kudat telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Kajian Kemungkinan projek berkenaan telah disiapkan pada bulan Februari 2014. Skop projek melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 100km dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Walau bagaimanapun, projek ini berkemungkinan akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.75 bilion.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

SOALAN : 148

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyediakan bekalan air bersih kepada rakyat di kawasan bukit, DUN Inanam yang kebanyakannya masih belum mempunyai kemudahan bekalan air paip.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM1.95 billion dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah yang melibatkan 122 projek dan 93,826 buah rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek telah dilaksanakan di DUN Inanam yang melibatkan kos sebanyak RM2.57 juta dan telah memberi manfaat kepada 306 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penyambungan paip air secara sistem retikulasi yang disambungkan dengan sistem bekalan air pihak Jabatan Air Negeri Sabah ini adalah bergantung kepada tekanan air di sesuatu kawasan tersebut. Sekiranya kawasan tersebut menghadapi masalah tekanan air rendah, satu sistem pam penggalak perlu dibina untuk memastikan bekalan air dapat disambungkan ke kawasan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pembinaannya adalah tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) kerana

sistem ini akan diserahkan kepada PBAN untuk tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan.

Selain itu, Kementerian ini juga ada menimbangkan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Alternatif iaitu untuk membekalkan air bersih kepada penduduk yang tidak ekonomik untuk dibekalkan menggunakan sistem retikulasi. Antara contoh sistem alternatif yang digunakan adalah telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan tangki air hujan.

Sehubungan itu, Kementerian ini mengambil maklum tentang perkara ini dan akan mempertimbangkannya untuk pelaksanaan dalam projek yang akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan peruntukan yang diluluskan.